

27 NOV 1998

DR MAHATHIR TIBA DI KOTA KINABALU (Bergambar)

KOTA KINABALU, 27 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini bagi lawatan kerja dua hari ke Sabah.

Ketibaan Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pada pukul 10.35 pagi di lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu disambut oleh Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok, Ketua Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Osu Sukam dan menteri-menteri kabinet negeri.

Yang turut hadir di lapangan terbang ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Tan Sri Datu Khalil Datu Jamalul.

Ketibaan Dr Mahathir diberi sambutan meriah di kalangan pegawai tinggi kerajaan negeri dan persekutuan serta pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional Negeri.

Sejurus selepas tiba, beliau dijadualkan mengadakan pertemuan tertutup dengan anggota Kabinet negeri sebelum menunaikan solat Jumaat di Masjid Negeri.

Pada sebelah petang, Perdana Menteri akan mengadakan perjumpaan tertutup dengan ketua-ketua agama sebelum menghadiri majlis perhimpunan Pemuda Barisan Nasional di Kompleks Sukan Likas, dekat sini.

Esok, Dr Mahathir dijadual mengadakan pertemuan dengan badan perhubungan Umno negeri sebelum berangkat pulang ke ibu negara.

-- BERNAMA

TEAM NMO